

23 JUL 2002

SPR-Daftar

PARTI POLITIK PERLU BERDAFTAR DENGAN SPR

KUALA LUMPUR, 23 Julai (Bernama) -- Semua parti politik yang ingin bertanding pada pilihan raya pada masa akan datang perlu berdaftar dengan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) bagi memastikan semua parti mematuhi peraturan termasuk etika ketika berkempen.

Setiausaha SPR Datuk Wan Ahmad Wan Omar berkata, dengan pendaftaran itu SPR akan mempunyai kuasa untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap parti politik sekiranya melanggar syarat-syarat yang ditetapkan.

Katanya, cadangan mengenakan syarat itu diputuskan dalam mesyuarat khas SPR hari ini dan akan dikemukakan kepada kerajaan bagi melaksanakannya.

Mesyuarat khas itu diadakan bagi mengkaji semula peranan SPR dalam mengendalikan pilihan raya termasuk menangani cara berkempen yang keterlaluan.

"SPR memerlukan satu kuasa di mana semua parti politik yang ingin menyertai pilihan raya perlu mendaftar dengan SPR dan bukan sahaja daftar dengan ROS (Pendaftar Pertubuhan)," katanya ketika dihubungi malam ini.

Katanya, ketika ini parti-parti politik yang bertanding pada pilihan raya hanya perlu mendaftarkan simbol masing-masing kepada SPR.

Ahad lepas Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, kerajaan akan mengkaji untuk memperkenalkan peraturan kepada parti politik yang bertanding pada pilihan raya agar tidak menggunakan pendekatan berkempen yang mengelirukan dan tidak mengikut peraturan.

Wan Ahmad berkata, SPR bercadang mengadakan perjumpaan dengan pemimpin parti-parti politik secara berasingan bagi mendapatkan maklum balas mengenai cadangan SPR itu.

"Dengan adanya kuasa, sekurang-kurangnya SPR dapat mengawal dengan lebih kemas dan memastikan segala aktiviti parti mematuhi syarat kempen dan pilihanraya," katanya.

Beliau berkata, SPR bercadang menubuhkan pasukan pemantau yang dianggotai kakitangan SPR, polis serta wakil atau calon yang bertanding bagi memastikan parti-parti politik mematuhi etika berkempen yang ditetapkan, termasuk tidak menyerang peribadi calon, memasang kain sepanduk yang tidak sesuai dan memberi ucapan yang melanggar Akta Hasutan.

"Kalau tidak mematuhi syarat atau peraturan kempen, SPR mempunyai kuasa melalui pasukan pemantau kempen ini untuk mengambil tindakan seperti memberi teguran serta-merta," katanya.

Beliau juga berkata, pindaan Akta Pilihan Raya yang akan dibentangkan di Parlimen pada September depan turut menyaksikan "pondok panas" parti politik di luar pusat pembuangan undi, diambil alih sepenuhnya oleh SPR.

Katanya, SPR bertanggungjawab mendirikan pondok berkenaan yang akan diguna bagi membantu pemilih menyemak nama dan saluran pengundian masing-masing.

"Pondok panas" sebelum ini yang diuruskan parti politik dikenal pasti sebagai antara faktor utama tercetusnya suasana ketegangan, mengugut serta mencaci di kalangan penyokong sehingga mengabaikan arahan dan larangan polis, katanya.

-- BERNAMA

RZS RZS HM